

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 28 FEBRUARI 2022  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : <https://www.sinarharian.com.my/article/190133/BERITA/Nasional/Agong-rasmi-mesyuarat-pertama-penggal-kelima-Parlimen>

### Agong rasmi mesyuarat pertama penggal kelima Parlimen



Al-Sultan Abdullah

KUALA LUMPUR - Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Parlimen ke-14 membuka tirainya pada Isnin dengan dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di Dewan Rakyat.

Dewan Rakyat yang kembali bersidang selepas melabuhkan tirai pada 20 Disember lepas merupakan sidang kedua di bawah kerajaan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Sidang Dewan Rakyat pada Ahad akan tertumpu kepada Titah Diraja Al-Sultan Abdullah dan berdasarkan takwim mesyuarat Dewan Rakyat, persidangan kali ini akan berlangsung selama 16 hari sehingga 24 Mac.

Sementara itu, Mesyuarat Dewan Negara yang dirasmikan serentak dengan Dewan Rakyat akan berlangsung selama sembilan hari bermula 21 Mac.

Bagi mengurangkan risiko jangkitan Covid-19 di bangunan Parlimen, Yang Dipertua Dewan Rakyat Datuk Azhar Azizan Harun sebelum ini memaklumkan prosedur operasi standard (SOP) bagi persidangan Parlimen kekal seperti sebelum ini.

Antaranya, Ahli Parlimen dan petugas perlu menjalani ujian saringan tindak balas rantai polimerase masa nyata (RT-PCR) tiga hari sebelum persidangan berlangsung serta penghadang lut sinar terus dipasang di tempat Ahli Parlimen sebagai langkah menetapkan penjarakan fizikal.

Selain itu, Azhar pada Sabtu (26 Februari) memaklumkan 146 kes positif dikesan hasil ujian saringan RT-PCR yang dijalankan dua hari bermula Khamis (24 Februari) di bangunan Parlimen melibatkan 1,474 individu terdiri daripada Ahli Parlimen, petugas dan wakil media. - Bernama